

# SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

**BANK ISLAM**

Komunikasi Korporat Kumpulan

Tingkat 31, Menara Bank Islam

No. 22 Jalan Perak

50450 Kuala Lumpur

Telefon 03 2088 8000

Faks 03 2781 2998

[www.bankislam.com.my](http://www.bankislam.com.my)

## **BANK ISLAM BANTU PERKASA USAHAWAN WANITA DI NEGERI KEDAH**

Juga agih zakat RM424,867.57 kepada Negeri Kedah

**KEDAH, Isnin [22 April 2019]:** 56 Sahabat Amanah Ikhtiar Malaysia (“AIM”) yang terdiri daripada usahawan wanita asnaf terpilih yang berdaftar dibawah AIM hari ini menerima bantuan daripada Bank Islam Malaysia Berhad (“Bank Islam”). Bantuan yang diterima berbentuk peralatan perniagaan berjumlah hampir RM70,000 melalui program AMAL Musa’adah Bank Islam yang mula diperkenalkan pada tahun 2017 dibawah inisiatif tanggungjawab korporat Bank Islam, AMAL.

Musa'adah membawa maksud "bantuan" dan melalui program ini, Bank Islam memberikan tumpuan khusus kepada para usahawan bagi memastikan kelangsungan perniagaan mereka. Bank Islam bekerjasama dengan AIM iaitu sebuah organisasi kredit mikro terbesar negara bagi menyediakan perkhidmatan berkaitan dengan pembiayaan, pendidikan dan latihan untuk masyarakat yang kurang mendapat perhatian dan berpendapatan rendah sebagai sebahagian daripada inisiatif membasmi kemiskinan dan memupuk potensi keusahawanan di kalangan masyarakat.

Di majlis yang sama, Bank Islam menerusi Sadaqa House, sebuah platform digital pendanaan awam Islamik (*Islamic crowd funding*) juga menyalurkan dana sumbangan yang terkumpul kepada salah satu rakan strategiknya iaitu Yayasan Sultanah Bahiyah (“YSB”). Dana sumbangan ini diterjemahkan dalam bentuk peralatan perniagaan untuk tiga usahawan wanita yang dipilih oleh YSB. Kebanyakan usahawan wanita ini adalah dari tujuh daerah di Kedah iaitu Pendang, Kota Setar, Padang Terap, Kubang Pasu, Alor Setar, Pokok Sena dan Langkawi.

Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam, Encik Mohd Muazzam Mohamed menjelaskan, “Kami sentiasa memberi tumpuan kepada usahawan yang menyumbang kepada ekonomi sebenar serta peningkatan taraf hidup masyarakat, dan usaha seperti AMAL Musa’adah dan *Sadaqa House* ini merupakan satu usaha penting ke arah itu. Usaha hari ini adalah

penzahiran sebahagian daripada komitmen Bank Islam sebagai Perantara Berasaskan Nilai (VBI) bagi memastikan kesejahteraan masyarakat secara lebih meluas.”

Sokongan Bank Islam untuk memperkasakan golongan usahawan wanita ini juga adalah sejajar dengan objektif global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (*United Nations*), merujuk khusus kepada Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) iaitu Membasmi Kemiskinan (*No Poverty*).

Majlis ini juga menyaksikan Bank Islam menyerahkan zakat perniagaannya kepada Lembaga Zakat Negeri Kedah berjumlah RM424,867.57. Zakat perniagaan tersebut telah diterima oleh Tuan Syeikh Zakaria Othman, Ketua Pegawai Eksekutif, Lembaga Zakat Negeri Kedah.

Di dalam ucapannya, Encik Muazzam berkata, “Bank Islam amat berbesar hati untuk menyerahkan zakat perniagaan kami khusus buat negeri Kedah bagi tahun kewangan 2018. Sejak tahun 2010, Bank Islam telah menghulurkan lebih RM2.9 juta zakat kepada negeri Kedah dan pada hari ini sebanyak RM424,867.57 pula akan diagihkan menjadikan jumlah terkumpul sumbangan zakat Bank Islam kepada negeri kedah mencecah hampir RM3.4 juta.”

Untuk maklumat lanjut, layari [www.bankislam.com.my](http://www.bankislam.com.my)

---

#### **Mengenai Bank Islam**

Bank Islam Malaysia Berhad, anak syarikat kepada BIMB Holdings Berhad ditubuhkan pada 1983 sebagai Bank Islam pertama di Malaysia. Sehingga kini, Bank Islam mempunyai 149 cawangan dan lebih daripada 1000 terminal layan diri di seluruh negara. Bagi memenuhi keperluan kewangan masyarakat Malaysia umumnya, Bank Islam menawarkan lebih daripada 70 produk dan perkhidmatan perbankan berlandaskan Syariah untuk memenuhi keperluan orang Islam dan bukan Islam. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan Bank Islam, sila lawati [www.bankislam.com.my](http://www.bankislam.com.my) atau hubungi Pusat Panggilan Bank Islam di talian 03-26 900 900.

#### **Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

<b>Wan Norkhairi Wan Samad</b> Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Tingkat 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel: 03-2782 1232 Mobile: 019-339 4491 Faks: 03-2782 2998 Emel: <a href="mailto:wnorkhairi@bankislam.com.my">wnorkhairi@bankislam.com.my</a> Web: <a href="http://www.bankislam.com.my">www.bankislam.com.my</a>	<b>Omar Atin</b> Hubungan Media & Editorial, Komunikasi Korporat Kumpulan BIMB Holdings Berhad Tingkat 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel.: 03-2781 2943 Mobile: 019-391 9144 Faks: 03-2782 2998 Emel: <a href="mailto:omar@bimbholdings.com">omar@bimbholdings.com</a> Web: <a href="http://www.bimbholdings.com">www.bimbholdings.com</a>
---	---